

Rumah-rumah musnah seakan-akan menjadi debu

57 maut gempa di Turki

OKULAR, Turki-Gempa bumi kuat yang berlaku sebelum subuh semalam dengan magnitud 6.0 melanda Turki semalam dengan menyebabkan 57 orang terbunuh.

Banyak rumah dan menara yang diperbuat daripada batu serta lumpur di sekurang-kurangnya enam buah kampung ranap dalam kejadian itu.

Menurut sebuah pusat krisis di Turki, seramai 100 lagi cedera dalam insiden tersebut yang berlaku di wilayah Elazig, kira-kira 550 kilometer dari Ankara.

Gempa itu berpusat di kampung Basyurt dan diikuti dengan gegaran susulan sebanyak 50 kali.

Gegaran paling kuat dicatatkan ialah sekitar 5.5 dan 5.3 pada skala Richter.

Kawasan yang paling terjejas ialah kampung Okcular dengan mengakibatkan 17 kematian dan rumah-rumah musnah seakan-akan menjadi debu.

Pihak berkuasa menyekat laluan masuk ke Okcular bagi membolehkan ambulans dan pasukan-pasukan penyelamat bergerak di laluan-laluan kampung yang sempit.

"Kampung ini benar-benar sudah musnah," kata ketua kampung, Hasan Demirdag kepada stesen televisyen swasta, NTV. Seorang penduduk kampung Okcular, Ali Riza Ferhat memberitahu dia terjaga daripada tidur kerana terkejut.

"Saya cuba keluar dari pintu



BEBERAPA orang berjalan di beberapa buah rumah yang musnah akibat gempa bumi di Kampung Okcular di Elazig, Turki semalam.

tetapi ia tidak boleh dibuka. Oleh itu, saya keluar dari tingkap dan mula membantu jiran-jiran yang lain.

"Kami berjaya mengeluarkan enam mayat," katanya.

Gempa itu turut dirasakan di wilayah-wilayah berdekatan seperti

Tunceli, Bingol dan Diyarbakir. Ia membuatkan penduduk berlari ke jalan raya dalam keadaan panik dan terus berada di luar rumah.

Sekolah-sekolah di kawasan terbabit juga ditutup selama dua hari.

Perdana Menteri Turki, Recep

Tayyip Erdogan dan pengarah di sebuah balai cerap Kandili, Mustafa Erdik menggesa para penduduk supaya tidak tinggal rumah yang telah rosak kerana ia mungkin runtuh akibat susulan gegaran yang boleh berlanjutan selama beberapa hari. - AP